

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN
[BANDAR KUCHING]**

TARIKH : 19 MAC 2015 (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan Chong Chieng Jen minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-

- (a) setakat mana prinsip *Borneonisation* telah diamalkan dalam bidang perkhidmatan awam; dan
- (b) apakah statistik berkenaannya.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *Borneonisation* yang merupakan satu daripada 20 Perkara dalam perjanjian membentuk Persekutuan Malaysia (bagi Sabah) dan 18 Perkara bagi Sarawak telah dilaksanakan semenjak pembentukan Malaysia lagi.

Hasil daripada pelaksanaan *Borneonisation* bagi negeri Sabah dan Sarawak adalah seperti berikut:

- i) Bagi negeri Sabah, daripada keseluruhan pengisian perjawatan bagi Jabatan dan Agensi Persekutuan di negeri Sabah yang berjumlah **80,333 pegawai, sejumlah 66,870 (83.2%)** adalah diisi oleh anak kelahiran negeri Sabah, manakala **1,760 (2.2%)** adalah terdiri dari anak Sarawak dan **11,703 (14.6%)** dari negeri-negeri lain; dan
- ii) Bagi negeri Sarawak, daripada keseluruhan pengisian perjawatan bagi Jabatan dan Agensi Persekutuan di negeri Sarawak yang berjumlah **81,330 pegawai, sejumlah 69,629 (85.6%)** adalah diisi oleh anak kelahiran negeri Sarawak, manakala **1,517 (1.9%)** adalah terdiri dari anak Sabah dan **10,184 (12.5%)** dari negeri-negeri lain.

Sementara itu, seramai 29,748 pegawai kelahiran Sabah dan Sarawak sedang berkhidmat di Semenanjung dan menduduki pelbagai jawatan di pelbagai peringkat. Seramai 15,418 daripadanya ialah pegawai kelahiran Sabah dan 14,330 adalah pegawai kelahiran Sarawak yang ingin terus berkhidmat di Semenanjung.

Fenomena ini sebenarnya turut berlaku di negeri-negeri lain di Semenanjung di mana bukan semua anak kelahiran sesebuah negeri bertugas sepenuhnya di negeri kelahiran mereka. Terdapat anak kelahiran negeri lain turut berkhidmat di sesebuah negeri disebabkan atas keperluan perkhidmatan atau mengikuti pasangan.

Sekian. Terima kasih.